



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 7 NOVEMBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 7 November 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **5,190 kes** (2,412,395 kes kumulatif, 96.3%);
- Kes baharu : **4,343 kes** (2,506,309 kes kumulatif);
- Kes import : **9 kes** (6 warganegara; 3 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **4,334 kes** [4,120 warganegara (95.1%); 214 bukan warganegara (4.9%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **554 kes** (518 kes disahkan COVID-19 ; 36 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan) ;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **272 kes** (212 kes disahkan COVID-19 ; 60 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan)
- Jumlah kluster : **5,806 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **7 kluster**;

- Jumlah kluster yang telah tamat : **5,481 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **325 kluster**.

Daripada **4,343 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **68 kes (1.6 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **4,275 kes (98.4 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian kluster-kluster baharu dan nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 dan 2 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

7 November 2021 @ 6:30 petang.

LAMPIRAN 1**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 7 NOVEMBER 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Kampung Jubakar Darat	Komuniti	Kelantan	Tumpat	17	27
2	Jalan Cempaka Mersing	Komuniti	Johor	Mersing	16	47
3	Karanaan	Komuniti	Sabah	Ranau	52	118
4	Paradise Georgetown	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Timur Laut	31	106
5	Tapak Bina Jalan Station Kluang	Tempat Kerja	Johor	Kluang	29	95
6	Terendak	Tempat Kerja	Melaka	Alor Gajah	32	52
7	Jalan Chinchin	Pendidikan Tinggi	Melaka	Jasin	23	92

LAMPIRAN 2**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN
PADA 6 NOVEMBER 2021**

NEGERI	NILAI R_T
WP PUTRAJAYA	1.09
NEGERI SEMBILAN	1.00
MELAKA	0.99
SELANGOR	0.99
WP KUALA LUMPUR	0.98
SABAH	0.98
PAHANG	0.97
PERLIS	0.96
KEDAH	0.95
KELANTAN	0.92
SARAWAK	0.89
JOHOR	0.89
PULAU PINANG	0.88
TERENGGANU	0.84
PERAK	0.83
WP LABUAN	0
MALAYSIA	0.91